

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

DALAM PERKARA TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN

SAMAN NO : 11300-017-00XX-20XX

ANTARA

**ABCD BINTI MPQR
KP : XXXXXX-11-51XX**

PLAINTIF

DENGAN

**BAITULMAL, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
ADAT MELAYU TERENGGANU**

DEFENDAN

**DI HADAPAN YANG ARIF,
TUAN HAJI MOHD NAZRI BIN YUSOF P.J.K.,
HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU,
DI KUALA TERENGGANU**

**PADA HARI SELASA, 00 JAMADIL AWAL 14XXH,
BERSAMAAN 00 JANUARI 20XX.**

ALASAN PENGHAKIMAN

ATAS TUNTUTAN Plaintiff, tuntutan ini dipanggil untuk keputusan Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dengan kehadiran Plaintiff ABCD BINTI MPQR, KP : XXXXXX-11-51XX bersama-sama dengan peguam syarienya, Puan Hasnayati Binti Hj. Yaakub dari Tetuan Atifah Nazuan & Associates yang beralamat penyampaian di No. 7C, Tingkat 2, Dataran Panji, Jalan Panji Alam, 21100, Kuala Terengganu, Terengganu dengan kehadiran Defendan, Cik Solihah Adlina Binti Mamat @ Adam mewakili pihak Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT:**

FAKTA KES

Kes ini adalah suatu Tuntutan Harta Sepencarian yang dikemukakan oleh Plaintiff, ABCD BINTI MPQR, KP : XXXXXX-11-51XX. Pada 00 Januari 20XX, Plaintiff telah memfailkan Pernyataan Tuntutannya terhadap Defendan, Baitulmal, MAIDAM. Manakala, pada 00 Mac 20XX, Defendan pula telah memfailkan Pernyataan Pembelaan. Berdasarkan kepada Pernyataan Tuntutan Plaintiff, Plaintiff telah membuat tuntutan terhadap satu (1) harta tak alih, dan dua (2) harta alih iaitu:

1. Tanah yang berketerangan GM 2XX, No. Lot 10XX, Mukim Bukit Besar, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu. (selepas ini disebut sebagai “Tanah Tersebut”)
2. Saham di Skim Amanah Saham Bumiputra (No. Ahli: 11324XXX). (selepas ini disebut sebagai “Saham ASB Tersebut”)
3. Sebuah motosikal jenis Honda, No. Pendaftaran: TAG 12XX. (selepas ini disebut sebagai “Motosikal Tersebut”)

Dalam kes ini, Plaintiff telah membuat Tuntutan Harta Sepencarian ke atas harta yang ditinggal oleh Si Mati, MPDK BIN ROP iaitu arwah suami Plaintiff yang telah meninggal pada **00 Mac 20XX (Rujuk Sijil Kematian D 752XXX)**. Berdasarkan kepada Pernyataan Tuntutan dan lampiran berkaitan Borang Surat Ta’liq, **Plaintiff telah berkahwin dengan Si Mati pada 00 Ogos 19XX sehingga bercerai mati dengan Si Mati pada 00 Mac 20XX**. Tempoh perkahwinan antara Plaintiff dan Si Mati adalah lebih kurang **selama 46 tahun**. Hasil perkahwinan, Plaintiff dan Si Mati tidak dikurniakan cahaya mata (*rujuk keterangan Plaintiff dalam Nota Keterangan halaman 7 baris ke-22*).

BIDANG KUASA MAHKAMAH

Menurut Hukum Syara' dan Undang-Undang

Berkenaan dengan bidang kuasa Mahkamah dalam tuntutan di hadapan Mahkamah ini, Mahkamah merujuk kepada **Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2001** iaitu berkaitan bidangkuasa mengenai Harta Sepencarian, adalah diberi kepada Mahkamah Tinggi Syaria'ah sebagai bidangkuasa asal. Merujuk kepada **seksyen 11(3)(b)(iv) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu), 2001** :

Seksyen 11. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.

(1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Terengganu dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Hakim Syarie boleh bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan mengetuai Mahkamah itu.

(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan-

(i) pertunangan, perkahwinan, ruju' , perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;

(ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);

(iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahatarafan, atau penjagaan atau jagaan (hadhanah) budak-budak;

(iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;

(v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut;

(vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam;

(vii) wakaf atau nazar;

(viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;

(ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak;

(x) pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;

(xi) pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya; dan

(xii) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis

Kemudian merujuk kepada **seksyen 59 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017**, enakmen tersebut memperuntukan bahawa:

(1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang—

(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;

(b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka; dan

(c) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu,

dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

(3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu

pihak kepada perkahwinan dibahagi antara mereka atau supaya aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara mereka atau supaya manamana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada—

(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;

(b) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,

dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimana pun, pihak yang telah memperolehi aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.

(5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.

Oleh yang demikian, Mahkamah berpendapat dalam Tuntutan Harta Sepencarian, peruntukan di dalam **seksyen 11(3)(b)(iv) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu), 2001** adalah tidak membataskan masa dan keadaan Tuntutan Harta Sepencarian boleh dibuat dan lebih luas dari peruntukan **seksyen 59 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017**.

Perkara berkaitan harta sepencarian ada disebut dalam al-Quran, surah Al-Nisa' ayat 32 Firman Allah S.W.T:

وَلَا تَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهٖ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَتَبْنَا لِلنِّسَاءِ ۗ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَتَبْنَا لِّلرِّجَالِ مِمَّا كَسَبْنَ ۗ وَاللَّهُ مِن فَضْلِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ۗ وَسئَلُو

Bermaksud: “Dan janganlah kamu terlalu mengharap (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk

menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran), (kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka usaha kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

Dari segi hukum syarak, sebagaimana yang dinyatakan oleh Muhammad Salam Madkur dalam kitabnya ‘*al-Qada’ fi al-Islam*’ Matbaah al ‘Aalamiyah, Kaherah, 1964, halaman 54 menyebut bahawa:

هو أن يخصص ولي الأمر القاضى عند تقليده القضاء أو بعد ذلك بنوع معين من القضايا, كالأحوال الشخصية, أو المدني, أو التجاري, أو الجنائي إلى غير ذلك, فلا يصح له أن ينظر في نوع آخر غيره

Bermaksud: “*Bidang kuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidang kuasa ke atas seseorang hakim semasa perlantikan hakim itu atau selepas perlantikan dibuat dengan menentukan bahawa hakim itu mempunyai bidang kuasa tertentu sahaja seperti diberi bidang kuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya ; oleh yang demikian hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang dia hanya diberi bidangkuasa sahaja dan hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa lain yang tidak diberi kepadanya.”*

Mahkamah juga berpuashati dengan pemastautinan Plaintiff sebagaimana **peruntukan seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017** yang memberi tafsiran “bermastautin” ertinya tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu, yang mana Mahkamah berpuashati bahawa semasa tuntutan ini dibuat **Plaintif adalah beralamat di No. 1XX, Lorong Kemunting, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu**. Justeru itu, mengikut peruntukan Hukum Syara' dan undang-

undang yang berkuatkuasa di Negeri Terengganu di atas, jelas bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu ini adalah Mahkamah yang berkompoten dan mempunyai bidang kuasa dalam mendengar dan memutuskan Tuntutan Harta Sepencarian di hadapan saya ini.

Merujuk kepada **seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017** mentakrifkan harta sepencarian sebagai:

“Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak.”

Peruntukan **seksyen 59** Enakmen yang sama seperti yang telah dinyatakan di atas menghuraikan lagi makna Harta Sepencarian mengikut undang-undang. Peruntukan **seksyen 59** ini perlu dibaca bersama dengan tafsiran berkanun "Harta Sepencarian" sebagaimana yang diperuntukkan di dalam **seksyen 2** di atas. Dengan ini dapat difahami bahawa takrifan harta sepencarian itu boleh wujud dalam tiga keadaan:

- 1) Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, dengan usaha bersama mereka.
- 2) Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu.
- 3) Aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama suami isteri.

Arahan Amalan No. 5, Tahun 2003 ada menyatakan bahawa, “*masa membuat tuntutan Harta Sepencarian dibolehkan sama ada semasa tuntutan perceraian atau selepas perceraian ataupun selepas kematian mana-mana pihak. Mahkamah dalam hal ini boleh menerima mana-mana tuntutan Harta Sepencarian yang dibuat selepas kematian mana-mana pihak dalam tuntutan tersebut dan rujukan hendaklah dibuat kepada mana-mana kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah yang lebih tinggi.*”

Maka dengan ini berdasarkan Hukum Syarak dan undang-undang, Mahkamah berpuashati bahawa Plaintiff layak dan mempunyai kausa tindakan untuk membuat Tuntutan Harta Sepencarian di Mahkamah ini dan Mahkamah boleh mendengar dan memutuskan Tuntutan Harta Sepencarian oleh Plaintiff ini.

ISU KES

Di dalam kes ini, terdapat dua (2) isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah iaitu:

Isu pertama: Sama ada aset-aset yang didakwa oleh Plaintiff adalah merupakan harta sepencarian atau tidak.

Isu kedua: Sama ada wujud atau tidak sumbangan langsung mahupun tidak langsung Plaintiff dan Si Mati dalam pemerolehan aset-aset tersebut untuk menentukan berapakah bahagian harta sepencarian masing-masing.

Sebelum itu, Mahkamah terlebih dahulu akan merujuk kepada kitab *I'aaanah al-Talibin*, Jil. 4 hlm. 251 dan 252 karangan al-Sayed al-Bakri Ibnu al-Sayed Mohamad Syata' al-Damyaty yang mana ada menghuraikan berkaitan dengan syarat-syarat dakwaan.

بدم أم بغيره كغصب وسرقة واتلاف مال ستة أنه يشترط لصحة كل دعوى سواء كانت (اعلم قوله وشرط للدعوى الخ شروط: الأول أن تكون مفصلة بأن ما يفصل المدعى ما يدعية, وتفصيله يختلف باختلاف المدعى به, ففي دعوى

الدم يكون التفصيل بذكر قتله عمداً أو خطأ أو شبه عمداً, افراداً أو شركة, وفي دعوى نقد يكون بذكر جنسه ونوعه وقدره, وفي دعوى عين تنضب بصفات, كحيوان وحبوب يكون بوصفها بصفات السلم. وفي دعوى عقار يكون بذكر جهة وبلد وسكة وحدود اربعة. وفي دعوى النكاح على حرة يكون بذكر شروطه ورضاها إن كانت غير مجبرة, وعلى أمة يكون بما ذكر ويزيد عليه ذكر خوف العنت وفقد مهر حرة. الشرط الثانى: أن تكون ملزمة لمدعى عليه, فلا تسمع دعوى هبة شيء أو بيعه أو الإقرار به حتى يقول وقبضته بإذن الواهب, ويلزم البائع أو المقر التسليم إلى, ولا احتمال أن يكون للبائع حق الحبس, . وذلك للاحتمال أن يقول الواهب, لكنك لم تقبضها بإذني, فلا يلزمه شيء أو يكون المقر به ليس في يد المقر, فلا يلزمه تسليم إليه. الشرط الثالث: أن يعين المدعى عليه, فلو قال قتله أحد هؤلاء لم تسمع دعواه, لإبهام المدعى عليه. الشرط الرابع: أن لا تناقضها دعوى أخرى, فلو ادعى على واحد انفراده بالقتل, ثم ادعى على آخر شركة فيه أو انفراداً به لم تسمع دعواه الثانية, لأن الأولى تكذبها, ولا يمكن من العود إلى الأولى لأن الثانية تكذبها. الشرط الخامس: أن يكون كل من المدعى والمدعى عليه مكلفاً, ومثله السكران. الشرط السادس: أن يكون كل منهما ملتزماً للأحكام

Maksudnya: Ketahuilah bahawasanya disyaratkan bagi kesahihan setiap dakwaan sama ada yang berkaitan dengan tuntutan hak qisas atau lainnya seperti rampasan, barang yang dicuri dan kerosakan harta, ialah enam (6) syarat.

1. Syarat yang pertama

Dakwaan itu dijelaskan dengan terang oleh orang yang mendakwa apa yang didakwa dan penjelasannya berbeza mengikut apa yang didakwa. Dalam dakwaan qisas, huraiannya dengan menyebut pembunuhan itu berlaku dengan sengaja hendak membunuh atau menyebabkan kematian dengan tidak sengaja atau menyebabkan kematian menyerupai qatl al-a'md secara perseorangan atau bersama-sama orang lain. Dan pada dakwaan berhubung dengan wang hendaklah menyebut jenisnya dan jumlahnya, pada dakwaan sesuatu benda mesti menepati dengan sifatnya seperti haiwan dan pada biji-bijian dengan menyebut keadaannya baik, pada dakwaan harta tak alih dengan menyebut tempat, negeri dan keempat-empat sempadannya,

pada dakwaan perkahwinan dengan perempuan yang merdeka dengan menyebut syarat serta keizinannya jika dia bukan dari kalangan yang boleh dipaksa dan pada perkahwinan hamba dengan menyebut syarat sebagaimana pada perempuan yang merdeka ditambah dengan menyebut kerana bimbang dengan berlaku perzinaan dan tidak berupaya membawa mas kahwin bagi perkahwinan dengan perempuan yang merdeka.

2. Syarat yang kedua

Orang yang kena dakwa terikat dengan dakwaan, maka tidak boleh diterima dakwaan hibah (pemberian) sesuatu atau menjualnya atau pengakuan menjualnya sehingga dia berkata – Aku telah mengambilnya dengan keizinan orang yang memberi dan orang yang menjual, dan orang yang mengaku menjual mesti menyerahkan kepada aku. Dikehendaki demikian kerana boleh berlaku bagi orang yang memberi itu berkata – “Engkau belum mengambilnya dengan keizinan aku, maka dia tidak terikat dengan sesuatu dan juga boleh berlaku bagi penjual menahan barang jualan atau orang yang mengaku menjual itu tidak ada ditangannya barang jualan, maka dia tidak terikat untuk menyerahkan kepadanya.”

3. Syarat yang ketiga

Hendaklah menentukan orang yang kena dakwa. Maka jika seseorang berkata, orang itu dibunuh oleh salah seorang dari mereka itu, tidak boleh diterima dakwaannya kerana orang yang kena dakwa tidak diketahui (tidak terang).

4. Syarat yang keempat

Dakwaannya tidak bercanggah dengan dakwaan yang lain. Maka jika di didakwa ke atas seseorang, secara persendirian dengan pertuduhan membunuh, kemudian dia mendakwa pula ke atas orang lain secara bersama-sama pada pembunuhan itu atau dia mendakwa ke atas orang lain secara berseorangan, tidak boleh diterima dakwaan yang kedua kerana dakwaan yang pertama membohongi dakwaan

yang kedua dan tidak mungkin pula boleh balik kepada dakwaan yang pertama kerana dakwaan yang kedua pula membohongi dakwaan yang pertama.

5. *Syarat yang kelima*

Tiap-tiap orang yang mendakwa dan yang kena dakwa hendaklah mukallaf (akil baligh) dan termasuk orang yang mukallaf ialah orang mabuk.

6. *Syarat yang keenam*

Setiap orang yang mendakwa dan yang kena dakwa terikat dengan hukuman.

Dalam petikan kitab di atas bagi syarat yang pertama, pengarang menjelaskan bahawa **sesuatu dakwaan itu hendaklah dijelaskan dengan terang oleh orang yang mendakwa apa yang didakwa dan penjelasannya berbeza mengikut apa yang didakwa.** Mahkamah dapat pecahkan kepada dua perkara. Pertama, sesuatu dakwaan hendaklah dijelaskan dengan terang oleh orang yang mendakwa. Keduanya adalah penjelasannya adalah berbeza mengikut apa yang didakwa. Ini bermakna, penjelasan bagi kes mal adalah berbeza dengan kes jenayah. Oleh sebab itu, dalam kes Harta Sepencarian ini, Mahkamah berpendapat bahawa pihak yang menuntut perlu menjelaskan atau membawakan bukti yang jelas berkaitan:

1. Harta tersebut hendaklah wujud dan diperolehi dalam tempoh perkahwinan
2. Harta tersebut diperolehi menerusi usaha tunggal satu pihak namun pihak yang satu lagi ada memberikan sumbangan langsung atau tidak langsung; atau
3. Harta tersebut diperolehi secara usaha bersama.

Dalam mana-mana tuntutan harta sepencarian, syarat utama yang perlu dipenuhi sebagaimana yang digariskan oleh Hukum Syara' adalah memastikan tuntutan atau dakwaannya jelas dan tidak samar. Oleh itu, bukti bahawa harta-harta dimiliki oleh pihak yang terlibat dalam tuntutan adalah amat penting. Sebagai contoh, orang yang menuntut membawakan bukti geran tanah yang tertera pihak-pihak dalam kes (orang yang menuntut atau orang yang dituntut) dan tarikh atau tahun pemilikan adalah dalam tempoh perkahwinan pihak-pihak. Sekiranya orang yang menuntut berjaya membawakan pembuktian ini, orang yang menuntut itu sudah memberikan penjelasan yang jelas bahawa harta-harta yang dituntut itu diperolehi salah seorang daripada mereka dalam tempoh perkahwinan sekaligus telah memenuhi syarat dakwaan yang pertama.

Selain itu, Mahkamah merujuk kepada kitab *Al-Turuq al-Hukmiyyah Fi Siyasah al-Syariah*, Dar al-Kutub Ilmiah, Beirut Lubnan, Cetakan Pertama, hlm 19 ada menerangkan maksud bayyinah sebagaimana berikut:

البينه في الشرع : اسم لما بين الحق ويظهره

Terjemahannya: *“Maksud bayyinah mengikut syarak ialah nama bagi sesuatu yang membuktikan hak dan menzahirkan hak itu. Ini kerana perkara yang didakwa tidak dapat dizahirkan atau dibuktikan. Dan setiap dakwaan hendaklah memenuhi syarat-syarat sah dakwaan. Kerana adakalanya dakwaan boleh dikira fasid contohnya benda yang didakwa itu adalah majhul (samar). Justeru itu pentingnya bayyinah adalah untuk mengelakkan kesamaran.”*

Berdasarkan kepada petikan kitab di atas, bayyinah bermaksud sesuatu yang membuktikan hak atau menzahirkan sesuatu hak itu. Pentingnya untuk mengemukakan bayyinah adalah kerana supaya dapat mengelakkan apa-apa kesamaran dalam sesuatu dakwaan. Oleh itu, sesuatu dakwaan yang samar adalah dikira dakwaan yang fasid dan cacat sekaligus ianya tidak memenuhi

syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. Konklusinya, dakwaan tersebut dianggap tidak jelas dan tidak boleh disabitkan oleh Mahkamah.

Seterusnya, berkaitan dengan beban membuktikan dalam sesebuah kes, Mahkamah merujuk kepada **seksyen 73, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001** yang memperuntukkan bahawa:

(1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.

(2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, Mahkamah simpulkan bahawa mana-mana orang yang mendakwa dan berhasrat agar Mahkamah yang membicarakan kes mereka mensabitkan tuntutan mereka, orang tersebut mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud. Oleh sebab itu, beban pembuktian terletak kepada orang yang mendakwa tersebut. Dalam erti kata lain, sekiranya orang yang mendakwa tidak dapat membawakan bukti yang cukup bagi membolehkan Mahkamah mensabitkan dakwaannya, dakwaan tersebut boleh ditolak dan dianggap sebagai dakwaan semata-mata.

Selain itu, sebagaimana yang dijelaskan dalam sebuah hadis Rasulullah yang berbunyi:

عن ابن عباس رضي الله عنها النبي صلى الله عليه وسلم قال: لو يعطى الناس بدعواهم لادعى الناس دماء رجال وأموالهم ولكن اليمين على المدعى عليه (رواه البخارى ومسلم وغيرهما) وفي رواية البيهقي ولكن البينة على المدعى واليمين على من أنكر

Bermaksud: *“Dari Ibnu Abbas, Nabi S.A.W bersabda, Jika diterima kesemua tuntutan-tuntutan manusia menurut dakwaan semata-mata, nescaya ada dalam kalangan manusia yang akan menuntut darah orang lain dan harta orang lain, tetapi Yamin ke atas Mudda’ Alaihi (riwayat Bukhari dan Muslim) dan dalam riwayat al-Baihaqi, akan tetapi keterangan (bayyinah) atas pihak yang mendakwa dan sumpah itu kepada pihak yang ingkar”*

Merujuk kepada hadis di atas menjelaskan bahawa *bayyinah* ke atas pihak yang mendakwa dan sumpah kepada pihak yang ingkar. Maksud *bayyinah* dalam petikan hadis di atas adalah termasuk keterangan Plaintiff, keterangan saksi-saksi Plaintiff secara lisan serta apa-apa keterangan secara dokumentar. Selain itu, hadis tersebut juga menjelaskan bahawa akan kepentingan pembuktian atau bayyinah ini. Kerana, Rasulullah telah bersabda bahawa, **“jika diterima kesemua tuntutan-tuntutan manusia menurut dakwaan semata-mata, nescaya ada dalam kalangan manusia yang akan menuntut darah orang lain dan harta orang lain.”** Jika diteliti maksud kepada sabda Rasulullah ini, dapatlah difahami bahawa dakwaan tanpa pembuktian akan menyebabkan ketidakadilan dalam masyarakat atau boleh menyebabkan masyarakat bersikap melampaui batas atau haknya dalam membuat sesuatu dakwaan. Oleh sebab itu, sesuatu dakwaan yang dibawakan ke hadapan Mahkamah perlu dibuktikan dengan pembuktian yang kukuh dan tanpanya dakwaan tersebut akan ditolak.

Terdapat tiga (3) harta yang dituntut dalam kes ini iaitu:

1. **Sebidang tanah yang berketerangan GM 2XX, No. Lot 10XX, Mukim Bukit Besar, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu. (selepas ini disebut sebagai “Tanah Tersebut”)**
2. **Saham di Skim Amanah Saham Bumiputra (No. Ahli: 11324XXXX). (selepas ini disebut sebagai “Saham ASB Tersebut”)**
3. **Sebuah motosikal jenis Honda, No. Pendaftaran: TAG 12XX. (selepas ini disebut sebagai “Motosikal Tersebut”)**

Mahkamah akan mengulas dua (2) isu dalam kes ini mengikut harta-harta yang dituntut oleh Plaintiff. Harta yang dituntut dalam kes ini adalah terdiri daripada satu (1) harta tak alih dan dua (2) harta alih.

Sebelum itu, Mahkamah merujuk kepada kes **Sabariah Binti Md Tan Iwn Busu Bin Md Tan, JH 27 Bhg II, 1430H, hlm 313**, “Mahkamah berpendapat apabila salah satu pihak turut memberi sumbangan dalam memiliki sesuatu harta sama ada sumbangan itu untuk mencukupkan jumlah kewangan, atau untuk melengkapkan keperluan, atau menyempurnakan keperluan, maka itu boleh dikira sebagai sumbangan secara langsung. Manakala tindakan isteri dalam menguruskan rumahtangga, menjaga anak-anak, menjaga dan melayan keperluan suami, termasuk mencari nafkah luar bagi menambahkan pendapatan keluarga, maka tindakan itu boleh dikira sebagai sumbangan tidak langsung seorang isteri dalam membantu suaminya memperolehi sesuatu harta.”

Berdasarkan kepada rujukan kes di atas, Mahkamah mendapati bahawa tindakan isteri dalam menguruskan rumah tangga menjaga anak, menjaga dan melayan keperluan suami, termasuk mencari nafkah luar bagi menambah pendapatan keluarga adalah dikira sebagai sumbangan tidak langsung. Sumbangan tidak langsung Plaintiff dalam menguruskan dan memelihara dan

kebajikan rumah tangga dan anak-anak perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah.

Prinsip sokongan moral telah digunakan dalam **kes Boto Binti Taha lwn. Jaafar Bin Muhammad, JH 5, Bhg. 1, 1984, hlm. 61-68**. Dalam kes ini, Mahkamah telah mengiktiraf sumbangan isteri dalam bentuk sokongan isteri dalam urusan perniagaan suami yang memberikan ketenangan fikiran kepada suami yang membolehkan berfungsi secara berkesan sebagai seorang peniaga. Segala hasil yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan adalah hasil keuntungan daripada perniagaan yang dijalankan oleh suami. Selepas berkahwin, isteri berhenti kerja. Semasa suami pergi berniaga, isteri telah menemaninya.

Oleh itu, Mahkamah beranggapan bahawa usaha Plaintiff dalam menjaga kebajikan rumahtangga dan keperluan anak adalah dikira sebagai sumbangan tidak langsung yang perlu diambil kira dalam kes Tuntuan Harta Sepencarian di hadapan Mahkamah ini.

Berkenaan dengan sumbangan tidak langsung, Mahkamah merujuk kepada subseksyen **59 (3) dan (4), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Subseksyen 59 (3) dan (4)** tersebut adalah sebagaimana berikut:

59. (1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang—

(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;

(b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka; dan

(c) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu,

dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

(3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan dibahagi antara mereka atau supaya aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara mereka atau supaya manamana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada—

(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;

(b) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,

dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimana pun, pihak yang telah memperolehi aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.

(5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.

Berdasarkan subseksyen tersebut, Mahkamah berpendapat bahawa, Mahkamah boleh memerintahkan supaya aset-aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan **usaha tunggal satu pihak** dalam perkahwinan tersebut, **dibahagi antara mereka** atau aset tersebut dijual dan hasil jualan aset tersebut dibahagi antara pihak-pihak. Oleh itu, dalam menjalankan kuasa tersebut, Mahkamah perlu memberikan perhatian kepada takat sumbangan yang dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset.

Takat sumbangan yang perlu dipertimbangkan antaranya **adalah sumbangan yang dibuat untuk kebajikan keluarga iaitu dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga (subseksyen 4(a)).** Selain itu, Mahkamah merujuk kepada subseksyen 4(b), iaitu **“keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan.”**

Mahkamah merujuk kepada kes ***Isa Bin Abd Rahman lwn. Fatimah @ Yong Binti Mohamad, JH 20, Bhg. 1, 1426H, 2005, hlm. 67 hingga 86*** yang ada dinyatakan di dalam Hujahan Bertulis Peguam Syarie Defendan. Kes ini merupakan kes rayuan yang dipengerusikan oleh Datuk Sheikh Ghazali Abd Rahman di Mahkamah Rayuan Syariah, Negeri Terengganu. Panel Rayuan dalam kes ini memutuskan bahawa:

“Setelah mendengar, membaca serta meneliti hujah-hujah bertulis, jawapan hujah bertulis Responden, dan hujah balas Perayu maka kami bersetuju sebulat suara membuat keputusan bahawa rayuan ini dibenarkan, sabitan dibatalkan dan keputusan tersebut diketepikan.”

Panel Rayuan telah membenarkan rayuan Perayu dan telah mengeneipkan keputusan YA Hakim Bicara. Mahkamah merujuk kepada penghakiman kes rayuan ini pada halaman 78, perenggan (a) hingga (b) yang menyatakan sebagaimana berikut:

Dalam keterangan Plaintiff dan saksi-saksi yang dikemukakan, tidak dibuktikan apa-apa sumbangan Plaintiff dalam pembelian tanah-tanah tersebut malah Plaintiff mengakui dalam keterangannya juga bahawa sebelum berkahwin dengan Defendan, Plaintiff tidak ada mempunyai apa-apa harta. Dalam tempoh perkahwinan, akhir tahun 1979 hingga 1982, Plaintiff membuka kedai runcit dan kedai mee. Ini membuktikan semasa tanah tersebut dibeli, Plaintiff baru sahaja berkahwin dengan Defendan, Plaintiff mengusahakan kedai runcit dan kedai mee. Plaintiff juga gagal membuktikan pada Mahkamah apa-apa sumbangan material untuk membeli tanah di Mukim Serada tersebut ataupun takat mana sumbangan sebagai isteri dalam menguruskan rumahtangga.

Kami berpendapat harta tersebut tidak dapat ditakrifkan sebagai 'Harta Sepencarian' walaupun dibeli dalam tempoh perkahwinan masih berterusan kerana apa-apa sumbangan material atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu atau takat sumbangan yang telah dibuat kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga telah gagal dibuktikan dalam Mahkamah.

Panel Rayuan dalam kes ini telah mengeneipkan keputusan YA Hakim Mahkamah Tinggi atas alasan antaranya adalah Plaintiff gagal membuktikan apa-apa sumbangan langsung mahupun tidak langsung ke atas pemilikan dan pemerolehan harta yang dipertikai.

Harta tak alih

- a) Sebidang tanah yang berketerangan GM 2XX, No. Lot 10XX, Mukim Bukit Besar, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu. (selepas ini disebut sebagai "Tanah Tersebut")**

Tanah ini merupakan harta tak alih di atas nama Si Mati, MPDK BIN ROP. Mahkamah merujuk kepada Ikatan Dokumen Plaintiff yang ditandakan sebagai **P-4** yang menunjukkan bahawa pemilikan tanah tersebut adalah di bawah pemilikan Si Mati. Ianya adalah menerusi pindah milik oleh ROP BIN KKPP sebanyak 1/1 bahagian yang didaftarkan pada **09 Disember 1979**. Mahkamah juga merujuk kepada Ikatan Dokumen Tambahan Plaintiff pada **halaman 5 hingga 8 yang ditandakan sebagai P-8**. Dokumen **P-8** tersebut adalah **Borang 14 A**, Pindah Milik Tanah, Bahagian atau Pajakan yang bertarikh **09 Disember 1979** iaitu dalam tempoh perkahwinan antara Plaintiff dan Si Mati (*tarikh perkahwinan antara Plaintiff dan Si Mati adalah pada 00 Ogos 19XX*). Dalam P-8 tersebut, menunjukkan bahawa pindah milik oleh ROP BIN KKPP kepada Si Mati dengan balasan wang sebanyak **RM 30,000.00**.

Selain itu, Mahkamah merujuk kepada keterangan **Plaintif dalam Nota Keterangan pada halaman 8, baris ke-2 hingga ke-4**, Plaintiff ada mendakwa bahawa, "*MPDK BIN ROP ada beli tanah tempat duduk sekarang ni, dia beli dalam lingkungan tahun 1970-an, dia beli dengan ayah dia sendiri.*" Tambahan pula, pada halaman yang sama Nota Keterangan, **baris ke-9 hingga ke-13**, Plaintiff turut mendakwa bahawa, "*Beli tanah tersebut dengan harga RM 30,000.00 menerusi pinjaman kerajaan yang dibuat oleh Si Mati. Bukannya dari duit simpanan. Setelah pinjaman lulus, Si Mati membayar kepada ayahnya. Si Mati ada cakap bahawa dia ada buat pinjaman. Pada tahun 1979, tanah tersebut dibeli. Namun, kami sudah tinggal di atas tanah tersebut sejak tahun 1076 lagi. Tanah bayar kemudian setelah mendapat duit pinjaman. Tanah tersebut adalah tanah rendah dan lembah, tiada apa-apa pun atas tanah tersebut.*"

Berkenaan dengan pinjaman yang dibuat oleh Si Mati, **Plaintif dalam Nota Keterangan pada halaman 8, baris ke-14 hingga ke-17**, Plaintiff ada

mendakwa bahawa, ***“Arwah suami kerja sebagai kerani di pejabat kerajaan. Semasa Si Mati membuat pinjaman, Si Mati ada memberitahu bahawa gajinya adalah sebanyak RM 700.00 dan gajinya dipotong sebanyak RM 250.00 untuk bayaran bulanan pinjaman tersebut. Si Mati ada memberikan sebanyak RM 300.00 kepada saya untuk belanja.”***

Mahkamah pula merujuk kepada keterangan XPCD BINTI MPQR iaitu adik kepada Plaintiff sebagai **Saksi Plaintiff Pertama (SP-1)** dalam **Nota Keterangan pada halaman 9, baris ke-36 dan halaman 10, baris pertama dan ke-2** ada mendakwa bahawa, ***“Setahu saya, arwah suami dia beli tanah tersebut, tapi saya tak tahu beli guna duit siapa. Si Mati kerja di pejabat kebajikan masyarakat sebagai kerani, pendapatan dia saya tidak tahu.”***

Selain itu, **Saksi Plaintiff Kedua (SP-2)** iaitu NOPLC BIN TPMN iaitu anak angkat Plaintiff dan Si Mati dalam **Nota Keterangan pada halaman 10, baris ke-35 hingga ke-39, SP-2** ada mendakwa bahawa, ***“Tanah yang dituntut pada hari ini, saya pernah duduk sekali dengan Plaintiff dan Si Mati. Saya tidak tahu tanah tersebut beli guna duit siapa. Masa duduk di tanah tersebut, saya masih tidak bersekolah. Saya duduk di tanah tersebut sehingga sekarang. Ayah angkat bekerja sebagai kerani, tetapi saya tak tahu gajinya berapa.”***

Berdasarkan kepada **keterangan Plaintiff, SP-1 dan SP-2, serta Ikatan Dokumen** yang ditandakan sebagai **P-4 dan P-8**, Mahkamah beranggapan bahawa isu pertama dalam kes ini terjawab, iaitu tanah tersebut yang didakwa oleh Plaintiff dalam kes di hadapan Mahkamah ini adalah merupakan harta sepencarian.

Seterusnya, Mahkamah akan meneliti keterangan dalam kes ini berkaitan **isu kedua** bagi tanah tersebut iaitu sama ada wujud atau tidak sumbangan langsung mahupun tidak langsung Plaintiff dan Si Mati dalam pemerolehan aset-aset tersebut dan berapakah bahagian harta sepencarian masing-masing.

Mahkamah merujuk kepada **Nota Keterangan pada halaman 8, baris ke-19 hingga ke-22**, Plaintiff ada mendakwa bahawa, “***Untuk cukupkan belanja bulanan, saya ada membuat nasi lemak untuk dihantar dijual ke kedai, jual nasi lemak dalam 2 hingga 3 tahun sejak mula-mula tinggal di tanah tersebut. Saya ada juga membuat kuih muih seperti karipap untuk dijual. Selain itu, saya ada mengambil upah menjahit pakaian seperti menjahit baju kurung yang ditempah oleh kawan-kawan dan orang di sekitar kampung ini. Saya buat kerja ini untuk menampung perbelanjaan.***”

Tambahan pula, Mahkamah merujuk kepada **Nota Keterangan pada halaman 10, baris ke-2 dan 3, SP-1** ada mendakwa bahawa, “***Ngah (Plaintif) kerja sendiri, dia kerja kampung iaitu menjual karipap dan ada mengambil upah menjahit.***” Mahkamah juga merujuk kepada keterangan **SP-2** dalam Nota Keterangan pada halaman 10, baris ke-39 dan 40 serta halaman 11, pada baris pertama, yang mendakwa bahawa, “***Kadang-kadang emak saya (Plaintif) buat kuih. Emak buat kuih pada zaman saya sekolah rendah dahulu. Kadang-kadang buat kuih untuk saya bawa dan jual di sekolah.***”

Selain itu, berkaitan dengan sumbangan lain Plaintiff, Mahkamah merujuk kepada **Nota Keterangan pada halaman 8 baris ke-24 hingga ke-30**, Plaintiff ada mendakwa bahawa, “***Saya ada jual cincin dan subang kalau tak cukup duit untuk perbelanjaan. Saya sediakan makan dan minum Si Mati. Saya sediakan pakaian dan minumannya sebelum Si Mati pergi kerja sekitar jam 8.00 pagi. Semasa dia tengah minum, saya pakaikan***

stoking untuknya sebelum dia ke tempat kerja. Si Mati akan balik pada pukul satu lebih untuk makan tengahari. Saya masak tiap-tiap hari.

Berkaitan dengan sumbangan Plaintiff ke atas tanah ini, Mahkamah juga merujuk kepada keterangan **SP-1** pada Nota Keterangan halaman 10, baris ke-8 hingga ke-11, yang mendakwa bahawa, ***“Makan minum arwah suami dia dijaga oleh Plaintiff. Memang orang kata isteri mithali, sebelum pergi kerja, Si Mati akan makan dahulu, tengahari balik makan. Plaintiff juga sediakan makan malam. Plaintiff akan sediakan makan tersebut. Pakaian Si Mati juga diuruskan dan disediakan oleh Plaintiff.”***

Selain itu, Mahkamah merujuk kepada **Nota Keterangan pada halaman 11, baris ke-23 hingga ke-28, SP-2** ada mendakwa bahawa, ***“Emak memang menjaga makan dan minum ayah. Sebelum ayah pergi kerja, emak akan sarungkan stoking untuk ayah dan akan sediakan makan pagi, tengahari dan malam untuk ayah. Kalau bab memasak dan pakaian, emak akan sediakan.”***

Mahkamah pula merujuk pada halaman 8, baris ke-34 hingga ke-39 dalam **Nota Keterangan, Plaintiff** ada mendakwa bahawa, ***“Si Mati tidak pernah ambil tahu bahagian kawasan rumah dan tanah. Saya ada tanah pokok di atas tanah tersebut. Di atas tanah tersebut sekarang ada pokok pisang, kelapa, mempelam dan pokok-pokok bunga yang ditanam sendiri oleh saya. Saya yang menyapu di kawasan tanah tersebut. Si Mati tidak pernah ambil tahu. Saya ada beli tanah untuk tambung kawasan rumah, lori bawa tanah dan tambung, saya cangkul sendiri tanah tersebut. Tambung ni semasa dia ada dan tambung sedikit-sedikit. Saya yang beli tanah tambung tersebut lebih kurang dalam 20 lori lebih. Purata harga selori adalah lebih kurang RM 17 selori (dahulu) dan RM30, RM40 dan RM65 (sekarang).”***

Tambahan pula, **SP-1** ada memberikan keterangan sebagaimana dalam **Nota Keterangan pada halaman 10, baris ke-11 hingga ke-16, SP-1** ada mendakwa bahawa, “***Semasa akhir-akhir hayat Si Mati, semua pokok-pokok dah besar. Tanam pokok pada awal tinggal di tanah tersebut. Plaintiff ada tanam pokok kelapa, mempelam, tebu, sayur-sayur, ubi kayu. Semuanya ditanam oleh Plaintiff. Si Mati tidak ambil tahu berkaitan tanah. Tanah tersebut pernah banjir sebab ianya tanah sawah. Plaintiff ada tambung tanah. Tanah tersebut dibeli, tumpang sekali kalau ada orang lain juga ingin tambung tanah kawasan mereka. Tambung tanah tersebut secara sikit-sikit.***”

Mahkamah pula merujuk kepada keterangan **SP-2** dalam Nota Keterangan pada halaman 11 pada baris-5 hingga ke-7 yang mendakwa bahawa, “***Semasa arwah ayah masih ada, emak suka bercucuk tanam. Emak ada menanam pokok pisang, nangka, pokok bunga, lengkuas dan kunyit serta pokok nangka.***” Tambahan pula, pada **halaman 11, baris ke-18 hingga ke-20, SP-2** ada mendakwa bahawa, “***Emak ada tambung tanah tersebut sebab tanah asal rendah, kalau ada lori-lori lalu, dia akan minta tambung juga, selepas itu dia cangkul tanah tersebut, dia buat kerja sendiri belaka.***”

Mahkamah mendapati bahawa tanah tersebut diperolehi oleh Si Mati dalam tempoh perkahwinan secara usaha tunggal. Namun, berdasarkan kepada keterangan Plaintiff dan saksi-saksinya, Plaintiff telah menjalankan tanggungjawabnya sebagai isteri dengan sebaiknya dalam menguruskan urusan makan, minum dan pakaian Si Mati. Tambahan pula, **SP-1** iaitu adik Plaintiff yang tinggal bersama Plaintiff semenjak **SP-1** berumur 7 tahun ada mendakwa sebagaimana dalam keterangannya bahawa Plaintiff merupakan seorang isteri mithali.

Selain itu, Plaintiff mengusahakan dan menguruskan tanah tersebut dengan menanam pokok-pokok seperti pokok pisang, kelapa, mempelam dan pelbagai sayuran. Tambahan pula, oleh kerana keadaan tanah di tanah tersebut yang rendah dan lembah, maka Plaintiff ada mendakwa telah menambung hampir lebih kurang 20 lori tanah untuk ditambung di atas tanah tersebut. Sebagaimana dakwaan Plaintiff dan saksi-saksinya juga, Plaintiff ada membuat kuih untuk dijual dan mengambil upah menjahit pakaian bagi membantu menampung perbelanjaan keluarga mereka.

Oleh itu, berdasarkan kepada **keterangan Plaintiff, SP-1 dan SP-2**, Mahkamah beranggapan bahawa wujudnya takat sumbangan tak langsung yang besar oleh Plaintiff ke atas tanah tersebut kerana Plaintiff bukan sahaja menjaga dan memelihara kebajikan rumah tangganya, namun turut menjaga dan memelihara tanah yang dituntut dalam kes ini dengan baik walaupun tanah tersebut dibeli dan dimiliki oleh Si Mati. Selain itu juga, Plaintiff turut membantu Si Mati dalam mencari pendapatan sampingan untuk menampung keperluan mereka sekeluarga. Secara kesimpulannya, Mahkamah beranggapan bahawa, Plaintiff berjaya membuktikan takat sumbangannya dalam menjaga kebajikan keluarga dan memelihara rumah tangganya serta sumbangannya ke atas tanah tersebut.

Seterusnya adalah melibatkan harta kedua yang dituntut dalam kes di hadapan Mahkamah ini iaitu:

Harta alih

- b) Saham di Skim Amanah Saham Bumiputra (No. Ahli: 11324XXXX).
(selepas ini disebut sebagai “Saham ASB Tersebut”)**

Plaintiff dalam kes ini ada menuntut saham di Skim Amanah Saham Bumiputra untuk diisytiharkan sebagai harta sepencariannya bersama Si

Mati. Mahkamah merujuk kepada Ikatan Dokumen Plaintiff yang ditandakan sebagai **P-5**. Dokumen **P-5** tersebut adalah salinan Buku Akaun Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)(*selepas ini disebut sebagai “Buku Akaun ASNB tersebut”*) Si Mati. Dalam Buku Akaun ASNB tersebut, tertera nama **Si Mati, MPDK BIN ROP sebagai pemegang unit dengan No. Ahli, 1132XXXXXX** yang didaftarkan pada **19 Oktober 20XX** iaitu dalam tempoh perkahwinan (***tarikh perkahwinan antara Plaintiff dan Si Mati adalah pada 00 Ogos 19XX***).

Dalam kes ini, berkaitan dengan tuntutan terhadap saham ASB ini, Mahkamah mendapati terdapat bukti bahawa akaun ASNB tersebut telah didaftarkan oleh Si Mati dalam tempoh perkahwinan. Mahkamah pula merujuk kepada Ikatan Dokumen Tambahan Plaintiff pada halaman 9 hingga 11 yang ditandakan sebagai P-9 iaitu Salinan Penyata Akaun ASB Si Mati (*selepas ini disebut sebagai “Penyata Akaun tersebut”*).

Berdasarkan kepada P-9, Mahkamah mendapati bahawa, pada tarikh **19 Oktober 20XX** (*tarikh pendaftaran Buku Akaun ASNB tersebut*), baki unit adalah sebanyak **RM 192.11**. Manakala, pada 29 Ogos 20XX, menunjukkan bahawa terdapat **RM 30,000.00** unit masuk ke dalam akaun tersebut. Pada halaman 11, P-9, Mahkamah mendapati bahawa pada 02 Julai 20XX, sebanyak **RM 5,000.00** telah dikeluarkan menjadikan baki unit dalam akaun tersebut **RM 12,888.33**. Namun, dokumen tersebut yang menunjukkan baki selepas pendapatan ASB tahun 20XX adalah tidak jelas sebagaimana dalam P-9 halaman 11 tersebut.

Mahkamah merujuk kepada **keterangan Plaintiff, dalam Nota Keterangan pada halaman 9, baris pertama hingga ke-4**, ada mendakwa bahawa, ***“Duit dalam ASB yang tinggal sekarang lebih kurang RM 16,000.00. Duit ini adalah hasil dari jual tanah atas nama Si Mati di Kemaman. Si Mati memohon tanah kerajaan di Kemaman tersebut. Tanah tersebut***

diperolehi sebelum nikah, namun bayar kepada kerajaan selepas nikah.”

Mahkamah juga merujuk kepada **Nota Keterangan pada halaman 9, baris ke-7 hingga ke-10, Plaintiff** mendakwa bahawa, **“Si Mati menjual tanah di Kemaman pada 20XX, dijual lebih kurang RM 90,000.00, saya tidak melihat sejumlah duit tersebut, Cuma diceritakan oleh Si Mati. Duit yang ada di dalam akaun ASB adalah duit hasil jualan tanah di Kemaman. Saya tiada apa-apa sumbangan atas tanah tersebut.”**

Mahkamah pula merujuk kepada **keterangan SP-1 dalam Nota Keterangan pada halaman 10, baris ke-22 dan 23** yang mendakwa bahawa, **“Duit ASB saya tak tahu dari mana.”** Manakala, Mahkamah merujuk kepada **Nota Keterangan pada halaman 11, baris ke-28, SP-2** ada mendakwa bahawa, **“Saya tidak tahu wang siapa yang disimpan dalam Saham ASB.”**

Secara kesimpulannya, Mahkamah mendapati bahawa Saham ASB tersebut disimpan dalam tempoh perkahwinan (***tarikh perkahwinan antara Plaintiff dan Si Mati adalah pada 03 Ogos 19XX***). Tambahan pula, jumlah sebanyak **RM30,000.00** yang dimasukkan pada **29 Ogos 20XX** adalah hasil daripada jualan tanah milik Si Mati di Kemaman pada **tahun 20XX**. Hal ini telah dinyatakan sendiri oleh Plaintiff dalam kes ini. Berdasarkan kepada keterangannya, Plaintiff juga ada mengakui bahawa Plaintiff tiada apa-apa sumbangan ke atas tanah tersebut kerana Si Mati yang memohon tanah di Kemaman tersebut dengan kerajaan dan Si Mati juga yang membayarnya. Ianya jelas dalam keterangan Plaintiff yang mendakwa bahawa, **“Saya tiada apa-apa sumbangan atas tanah tersebut”** dalam **Nota Keterangan pada halaman 9, baris ke-10.**

Bagi harta **Saham ASB** yang dituntut oleh Plaintiff ini, Mahkamah beranggapan bahawa tiada apa-apa keterangan dan pembuktian oleh Plaintiff berkaitan dengan takat sumbangan yang diberikan oleh Plaintiff dalam simpanan **Saham ASB** yang didaftarkan di bawah nama Si Mati. Malahan, tiada langsung keterangan daripada dua (2) orang saksi Plaintiff yang memberi keterangan berkaitan dengan takat sumbangan Plaintiff bagi harta kedua iaitu **Saham ASB** tersebut.

Selain itu, dalam keterangannya, Plaintiff mendakwa bahawa wang yang disimpan di dalam **Saham ASB** adalah merupakan wang daripada hasil jualan tanah di Kemaman milik Si Mati. Namun, berkaitan dengan hasil jualan tersebut, Plaintiff tidak mengemukakan apa-apa bukti yang berkaitan dengan penjualan tanah di Kemaman tersebut untuk diterima oleh Mahkamah sebagai satu pembuktian yang kukuh. Tiada bukti transaksi penjualan atau geran tanah di Kemaman yang dibawakan untuk mengukuhkan dakwaan Plaintiff. Mahkamah menegaskan bahawa pihak-pihak yang mendakwa perlu mendatangkan apa-apa pembuktian yang kukuh yang mana pembuktian tersebut tidak boleh disangkal oleh mana-mana pihak. Tetapi, dalam hal ini, Mahkamah beranggapan bahawa, dakwaan wang sebanyak **RM 30,000.00** yang dimasukkan ke dalam **Saham ASB** hasil dari jualan tanah di Kemaman hanyalah dakwaan semata-mata tanpa dibuktikan dengan apa-apa pembuktian.

Oleh yang demikian, Mahkamah beranggapan bahawa Plaintiff gagal membawakan bukti yang kukuh dalam pembuktian takat sumbangan bagi harta ini. Ianya sekaligus menjawab isu pertama dan kedua dalam kes ini bahawa tiada takat sumbangan Plaintiff dalam pemerolehan harta kedua iaitu Saham ASB ini.

Seterusnya adalah harta ketiga yang dituntut dalam kes di hadapan Mahkamah ini iaitu:

c) Sebuah motosikal jenis Honda, No. Pendaftaran: TAG 12XX. (selepas ini disebut sebagai “Motosikal Tersebut”)

Plaintif dalam kes ini menuntut sebuah Motosikal jenis Honda, No. Pendaftaran: TAG 12XX untuk diisytiharkan sebagai harta sepencarian. Mahkamah merujuk kepada Ikatan Dokumen Plaintif yang ditandakan sebagai **P-6** iaitu **Perakuan Pendaftaran Kenderaan No. Pendaftaran: TAG 12XX, No. Casis: NF 1XXM- 801XXXX** yang telah didaftarkan di atas nama MPDK BIN ROP pada **21 April 2004**.

Seterusnya, Mahkamah merujuk kepada **keterangan Plaintif dalam Nota Keterangan pada halaman 9, baris ke-16** yang mendakwa bahawa, **“Motosikal tersebut dibeli menggunakan duit hasil jualan tanah di Kemaman juga. Semasa Si Mati sakit, tiada orang yang menggunakan motosikal tersebut. Saya minta dia jual motosikal tersebut. Sekarang ini anak saudara yang guna motosikal tersebut.”** Mahkamah pula merujuk kepada keterangan **SP-2 dalam Nota Keterangan pada halaman 11, baris ke-29, SP-2** ada mendakwa bahawa, **“Saya tidak tahu duit siapa yang digunakan dalam urusan beli motosikal tersebut.”** Tiada keterangan daripada SP-1 berkaitan harta ini.

Dalam tuntutan harta ketiga ini iaitu sebuah motosikal Honda, Mahkamah mendapati bahawa motosikal tersebut telah didaftarkan di atas nama Si Mati pada **21 April 2004** iaitu dalam tempoh perkahwinan Plaintif dan Si Mati (**tarikh perkahwinan antara Plaintif dan Si Mati adalah pada 03 Ogos 19XX**). Berdasarkan kepada keterangan Plaintif sendiri, wang yang digunakan untuk urusan pembelian motosikal tersebut adalah daripada wang hasil penjualan tanah di Kemaman sebagaimana yang dirujuk dalam **Nota Keterangan pada halaman 9, baris ke-16** yang mendakwa bahawa, **“Motosikal tersebut dibeli menggunakan duit hasil jualan tanah di Kemaman juga.”**

Sebagaimana keterangan Plaintiff yang dirujuk di atas, Plaintiff ada mendakwa bahawa pembelian atau pemilikan **motosikal tersebut** adalah menggunakan wang hasil jualan tanah di Kemaman. Dakwaan yang sama dibuat sebagaimana yang didakwa bagi harta kedua iaitu **Saham ASB**. Dalam hal ini, Plaintiff mendakwa bahawa wang yang digunakan untuk membeli **motosikal tersebut** adalah menggunakan wang hasil jualan tanah di Kemaman. Namun, tiada langsung pembuktian yang dikemukakan kepada Mahkamah berkaitan keterangan saksi bagi transaksi jual beli atau pembuktian secara dokumentar berkaitan dengan urusan jual beli tanah di Kemaman yang didakwa oleh Plaintiff.

Mahkamah berpendapat bahawa, sekiranya Plaintiff menginginkan supaya Mahkamah menerima sesuatu dakwaan yang dibuat, pihak Plaintiff perlu mengemukakan apa-apa dokumen yang kukuh bagi membuktikan akan kebenaran sesuatu dakwaan yang telah dibuat di dalam kes ini. Namun, sebaliknya berlaku apabila Plaintiff gagal berbuat sedemikian. Oleh yang demikian, Mahkamah ingin menegaskan sekali lagi bahawa dakwaan pembelian motosikal tersebut menggunakan wang hasil penjualan tanah di Kemaman adalah hanya dakwaan semata-mata kerana sesuatu dakwaan yang dibuat tanpa pembuktian yang mengukuhkan dakwaan tersebut, dakwaan tersebut hanyalah sebagai dakwaan semata-mata.

Secara kesimpulannya, Mahkamah beranggapan bahawa motosikal tersebut wujud dalam tempoh perkahwinan antara Plaintiff dan Si Mati. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa keterangan dan pembuktian yang kukuh berkaitan wang yang digunakan untuk memperolehi motosikal tersebut serta takat sumbangan oleh Plaintiff dalam pemerolehan motosikal tersebut yang menjadi pertikaian dalam kes di hadapan Mahkamah ini. Tambahan pula, tiada langsung keterangan daripada dua (2) orang saksi Plaintiff yang memberi keterangan berkaitan dengan sumber wang yang digunakan untuk memperolehi motosikal tersebut dan berkaitan takat sumbangan Plaintiff

dalam pemerolehan harta ketiga ini. Oleh yang demikian, isu pertama dan kedua dalam kes ini bagi harta ketiga adalah terjawab dan Mahkamah beranggapan bahawa tiada takat sumbangan oleh Plaintiff dalam pemerolehan motosikal tersebut oleh kerana Plaintiff gagal membawakan bukti yang kukuh dalam pembuktian takat sumbangan bagi harta ini.

Sebelum membacakan keputusan, Mahkamah akan memberikan beberapa teguran kepada Peguam Syarie Plaintiff dan Peguam Syarie yang mewakili Baitulmal, MAIDAM berkaitan dengan perkara yang dilakukan oleh pihak-pihak dalam prosiding ini.

TEGURAN PERTAMA adalah ditujukan kepada Peguam Syarie Plaintiff. Dalam **Hujahan Bertulis Peguam Syarie Plaintiff** tidak dinyatakan langsung seksyen yang berkaitan dengan harta sepencarian iaitu **seksyen 59, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017** iaitu berkaitan dengan **kuasa Mahkamah memerintah pembahagian harta sepencarian**. Tuntutan di hadapan Mahkamah ini adalah melibatkan Tuntutan Harta Sepencarian. Seksyen tersebut hendaklah disebut dan dirujuk sepanjang berjalannya prosiding termasuklah disebut dalam hujahan bertulis pihak-pihak. Ianya adalah sebagai panduan undang-undang untuk digunakan oleh pihak peguam syarie dalam membawa kes ini di hadapan Mahkamah untuk memastikan kes ini kehendak dan tuntutan Plaintiff seiring dengan peruntukan undang-undang.

Malahan, Peguam Syarie Plaintiff sebagai peguam yang mendakwa hendaklah lebih memberi perhatian kepada isu ini, sedangkan Peguam Syarie Defendan ada menyatakan secara jelas berkaitan **seksyen 59** ini di dalam **Hujahan Bertulis Peguam Syarie Defendan**.

Selain itu, Mahkamah merujuk kepada **Hujahan Bertulis Peguam Syarie Plaintiff** pada halaman 8, perenggan para (a), Peguam Syarie ada menghujahkan bahawa:

a) Adakah ianya harta sepencarian?

Dalam perkara di atas, saya hujahkan bahawa hak Plaintiff untuk membuat tuntutan harta sepencarian ke atas harta di atas tidak boleh dinafikan memandangkan ianya dibeli dalam tempoh perkahwinan Si Mati dengan Plaintiff dan terdapat kemungkinan berlakunya sumbangan/campuran wang daripada kedua-dua pihak.

Berdasarkan penghujahan yang dirujuk di atas, Peguam Syarie Plaintiff menyatakan bahawa “terdapat kemungkinan berlakunya sumbangan/campuran wang daripada kedua-dua pihak”. Mahkamah menegaskan bahawa kemungkinan tersebut perlulah dibawakan pembuktiannya di hadapan Mahkamah ketika prosiding perbicaraan berlangsung. Namun, berdasarkan kepada keterangan Plaintiff dan saksi-saksinya, tiada pembuktian yang kukuh berkaitan dengan takat sumbangan Plaintiff terutamanya bagi Saham ASB dan Motosikal Jenis Honda tersebut. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, perihal berkaitan dengan pembuktian adalah amat penting untuk Mahkamah mensabitkan atau tidak sesuatu dakwaan atau tuntutan.

TEGURAN KEDUA adalah ditujukan kepada kedua-dua Peguam Syarie. Hujahan bertulis yang difailkan berkaitan kes ini adalah terlalu ringkas dan tidak menyentuh aspek pembuktian yang amat penting dalam sesuatu kes terutamanya bagi tuntutan harta alih iaitu Saham ASB dan Motosikal Jenis Honda tersebut. Tujuan peguam syarie dalam mewakili pihak-pihak dalam sesuatu prosiding salah satunya adalah untuk membantu dan melancarkan urusan Mahkamah dalam membuat keputusan. Perkara ini perlu diperbaiki pada masa hadapan supaya ianya tidak lagi berulang.

PERINTAH MAHKAMAH

Setelah Mahkamah meneliti keterangan Plaintiff, pliding, saksi-saksi Plaintiff yang telah dikemukakan kepada Mahkamah, ikatan dokumen Plaintiff serta Hujah Bertulis Plaintiff dan Defendan, maka Mahkamah membuat keputusan sebagaimana berikut:

1. **SAYA PERINTAH** sebidang tanah yang berketerangan GM 2XX, No. Lot 10XX, Mukim Bukit Besar, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu diisytiharkan sebagai Harta Sepencarian antara Plaintiff, ABCD BINTI MPQR, KP : XXXXXX-11-51XX dan Si Mati, MPDK BIN ROP, KP : 000000-11-50XX.
2. **SAYA PERINTAHKAN** bahawa Plaintiff, ABCD BINTI MPQR, KP : XXXXXX-11-51XX berhak kepada 1/2 bahagian atau 1/2 nilai tanah tersebut, manakala baki 1/2 bahagian atau 1/2 nilai tanah tersebut adalah berhak kepada MPDK BIN ROP, KP : 000000-11-50XX.
3. **SAYA PERINTAH** bahawa sebanyak $\frac{1}{2}$ bahagian atau nilai daripada tanah tersebut yang berhak kepada MPDK BIN ROP, KP : 000000-11-50XX hendaklah dibahagikan kepada ahli-ahli waris Si Mati, MPDK BIN ROP, KP : 000000-11-50XX sebagaimana mengikut hukum faraid.

4. **SAYA PERINTAH** bahawa Tuntutan Harta Sepencarian oleh Plaintiff, ABCD BINTI MPQR, KP : XXXXXX-11-51XX bagi aset-aset berikut **DITOLAK.**
- a) Saham di Skim Amanah Saham Bumiputra (No. Ahli: 11324XXXX). (selepas ini disebut sebagai “Saham ASB Tersebut”)
 - b) Sebuah motosikal jenis Honda, No. Pendaftaran: TAG 12XX. (selepas ini disebut sebagai “Motosikal Tersebut”)
5. **SAYA PERINTAH** kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu, pada hari ini Selasa, 00 Jamadil Awal 14XXH bersamaan 00 Januari 20XX.

METERAI

HAKIM